



Siri Buku Amalan Harian

SIRI 5 TATACARA DAN DOA MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Kamarul Azmi Jasmi



SIRI BUKU AMALAN HARIAN

SIRI 5 TATACARA DAN DOA MAJLIS KHATAM AL- QURAN

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama 2020
 ©KAMARUL AZMI JASMI 2020

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial-dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi, 1973-

TATACARA DAN DOA MAJLIS KHATAM AL-QURAN / Kamarul
 Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU AMALAN HARIAN ; SIRI 5)

Mode of access:

Internet eISBN 978-967-2401-19-3

1. Qur'an--Readings.
2. Qur'an--Recitation.
3. Islam--Prayers and devotions.
4. Government publications-Malaysia.
5. Electronic books.

I. Judul. II. Siri.

297.1224045

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI
 Fakulti Tamadun Islam
 UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM
 FAKULTI SAINS SOSIAL-DAN KEMANUSIAAN
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
 81310 UTM Johor Bahru,
 Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>vi</i>
<i>Transliterasi</i>	<i>viii</i>
Pengenalan	1
Tatacara Khatam al-Quran	1
Amalan Khatam al-Quran dan Doa	2
Senarai Bacaan al-Quran untuk Majlis Khatam al-Quran	3
(1) Surah <i>al-Duha</i> (93: 1-11)	3
(2) Surah <i>al-Sharh</i> (94: 1-8)	4
(3) Surah <i>al-Tin</i> (95: 1-8)	5
(4) Surah <i>al-'Alaq</i> (96: 1-19)	5
(5) Surah <i>al-Qadar</i> (97: 1-5)	7
(6) Surah <i>al-Bayyinah</i> (98: 1-11)	7
(7) Surah <i>al-Zalzalah</i> (99: 1-8)	9
(8) Surah <i>al-'Adiyah</i> (100: 1-11)	9
(9) Surah <i>al-Qari'ah</i> (101: 1-11)	10
(10) Surah <i>al-Takathur</i> (102: 1-11)	11
(11) Surah <i>al-'Asr</i> (103: 1-3)	12
(12) Surah <i>al-Humazah</i> (104: 1-9)	12
(13) Surah <i>al-Fil</i> (105: 1-5)	13
(14) Surah <i>Quraysh</i> (106: 1-4)	14
(15) Surah <i>al-Ma'un</i> (107: 1-7)	14
(16) Surah <i>al-Kawthar</i> (108: 1-3)	15
(17) Surah <i>al-Kafirun</i> (109: 1-6)	15
(18) Surah <i>al-Nasr</i> (110: 1-3)	16

(19) Surah <i>al-Masad</i> (111: 1-5)	16
(20) Surah <i>al-Ikhlās</i> (112: 1-4)	17
(21) Surah <i>al-Falaq</i> (113: 1-5)	17
(22) Surah <i>al-Nas</i> (114: 1-6)	18
(23) Surah <i>al-Fatihah</i> (1: 1-7)	18
(24) Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 1-5)	19
Doa Khatam al-Quran	20
(1) Asas Doa Khatam al-Quran	20
(2) Doa Tambahan yang Lengkap dalam Bahasa Melayu	22
(3) Penutup Doa	25
Tempoh untuk Khatam al-Quran	25
Kadar Terbaik Khatam ialah 30 atau 40 hari	26
Tempoh Terpanjang untuk Khatam al-Quran	28
Tempoh Terpendek untuk Khatam al-Quran	30
Hujah Tatacara Khatam al-Quran	31
Pilih Waktu Awal Pagi atau Awal Malam	31
Majlis Buat Orang yang Khatam al-Quran	33
Bacaan Khatam Bermula daripada Surah <i>al-Duha</i>	35
Tempat untuk Mengakhiri Bacaan Khatam al-Quran	36
Galakan Berdoa Sebaik Sahaja Khatam al-Quran	37
Rumusan	39
Rujukan	40
Indeks	42
Biodata	44

PRAKATA



Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulallah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian tentang amalan tatacara dan doa khatam al-Quran. Buku ini dikhususkan bagi orang yang sudah berjaya menghabiskan bacaan al-Quran sama ada secara bacaan dan hafalan seluruh al-Quran. Amalan dan tatacara ini berdasarkan galakkan daripada hadis serta amalan sahabat dan tabiin sebagai satu cara untuk meraikan seseorang yang sudah menghabiskan bacaan al-Qurannya.

Terdapat beberapa perkara yang dibincangkan dalam buku ini, iaitu tatacara khatam al-Quran, amalan dan bacaan khatam al-Quran itu sendiri, dan cadangan doa yang dicadangkan untuk digunakan ketika khatam al-Quran tersebut. Doa khatam al-Quran merupakan inti pati yang penting buku ini disebabkan keutamaan doa yang mustajab untuk seseorang memohon hajat kepada Allah SWT selepas menghabiskan bacaan al-Quran mereka. Justeru, doa yang dicadangkan difokuskan kepada memohon syafaat al-Quran terhadap hajat seseorang untuk keperluan duniawi dan ukhrawi.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini. Manakala segala penggunaan hadis dalam perbincangan tentang buku ini akan ditakhrikan terlebih dahulu hadis sebagaimana kaedah yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998). Pengkaji juga hanya akan memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian

daripada huraian buku. Disamping itu, kitab syarahan daripada tafsiran al-Quran dan hadis daripada ulama muktabar Ahli Sunnah Waljamaah akan digunakan jika diperlukan untuk penghuraian yang lebih lanjut terhadap sesuatu isu yang berkaitan.

Harapan penulis dengan tulisan buku ini, umat Islam dapat memanfaatkan keutamaan khatam al-Quran dengan amalan yang dituntut untuk dibudayakan dalam kehidupan. Hal ini seterusnya memberikan impak yang baik kepada umat Islam dalam usaha menyucikan hati dan diri mereka melalui al-Quran. Dalam masa yang sama melalui al-Quran ini juga, umat Islam mampu menjadikan al-Quran tersebut sebagai peguam bela mereka sama ada dalam alam barzakh atau alam akhirat, iaitu ketika berada di hadapan mahkamah Allah SWT.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2020

TRANSLITERASI

Perkataan Arab untuk huruf konsonan yang terdapat dalam buku ini ditransliterasikan berpandukan jadual berikut:

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا, ء	'A	ض	D
ب	B	ط	T
ت	T	ظ	Z
ث	Th	ع	'
ج	J	غ	Gh
ح	H	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	ه	H
ش	Sh	و	W
ص	S	ی	Y

Huruf vokal Arab yang hendak ditransliterasikan kepada rumi mestilah menggunakan panduan seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Panjang		Pendek		Diftong	
Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi
آ	a	أَ	a	أَوْ	aw
أُ	u	إِ	u	أَيَّ	ay
إِي	i	إِ	i		

PENGENALAN

Buku ini dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu tatacara khatam al-Quran, amalan bacaan al-Quran sehingga doa, tuntutan untuk menghabiskan bacaan keseluruhan al-Quran dalam tempoh tertentu, serta hujah dan perbincangan tatacara khatam al-Quran.

TATACARA KHATAM AL-QURAN

Setiap kali seseorang selesai membaca keseluruhan al-Quran mereka dituntut untuk menyelesaikan bacaan dengan tatacara khusus, iaitu:

- (1) Memilih untuk mengakhiri bacaan keseluruhan al-Quran pada awal-pagi atau awal-malam.
- (2) Mengumpulkan ahli keluarga dan sahabat untuk sama-sama menyaksi dan menyertai majlis penutupan bacaan al-Quran.
- (3) Bacaan al-Quran dibaca bermula daripada surah *al-Duha* sehingga surah *al-Nas* dan disambungkan bacaan dengan surah *al-Fatihah*, serta lima ayat terawal-daripada surah *al-Baqarah*.
- (4) Setiap surah yang dibaca, bacaan berikut diselang selikan lafaz berikut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Maksud: *Tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan Allah Maha Besar.*

- (5) Menutup bacaan al-Quran tersebut dengan doa permohonan yang lengkap bagi mengambil faedah kemustajaban doa ketika selesai membaca al-Quran.

Empat tatacara adab ini merupakan tatacara adab yang dijelaskan oleh Imam Al-Bayhaqi (2003: 3/327) sebagaimana kata-katanya:

فَإِذَا خَتَمَ الْقُرْآنَ كُلَّهُ فَلِدَلِكِ آدَابٌ، مِنْهَا أَنْ يَعُودَ إِلَى أَوَّلِهِ،
فَبِقِرَاءِ شَيْئًا مِنْهُ ثُمَّ يَقْطَعُ، وَمِنْهَا أَنْ يُحْضِرَ أَهْلَهُ وَوَلَدَهُ عِنْدَ
الْحَتْمِ، وَمِنْهَا أَنْ يَتَحَرَّى الْحَتْمَ أَوَّلَ النَّهَارِ أَوْ أَوَّلَ اللَّيْلِ،
وَمِنْهَا التَّكْبِيرُ قَبْلَ الدُّعَاءِ، وَمِنْهَا الدُّعَاءُ بِمَا يُرَادُ مِنْ أَمْرِ
الدِّينِ وَالدُّنْيَا.

Maksud: *Apabila seseorang ingin mengkehmatkan al-Quran keseluruhannya, maka di situ terdapat adab, iaitu dia kembali membaca awal-al-Quran, lalu dia membaca sebahagian kemudian barulah dia memberhentikan bacaannya. Dia juga mengumpulkan isteri dan anak-anaknya ketika majlis khatam. Dia memilih untuk khatam pada awal-siang atau awal-malam. Adab lain ialah bertakbir sebelum berdoa khatam al-Quran. Doa khatam al-Quran hendaklah ditujukan kepada kebaikan dalam urusan dunia dan akhirat.*

(Al-Bayhaqi)

Semua kenyataan tatacara adab ini pada hakikatnya adalah merupakan amalan yang banyak diamalkan oleh para sahabat dan para tabiin.

AMALAN KHATAM AL-QURAN DAN DOA

Amalan khatam al-Quran berdasarkan perbincangan hadis yang akan dibincangkan nanti terkandung dalamnya tiga perkara, iaitu membaca senarai bacaan al-Quran untuk majlis Khatam al-Quran yang terdiri daripada surah *al-Duha* (101: 1-11) hingga surah *al-Nas* (114: 6-1),

surah *al-Fatihah* (1: 1-7), dan surah *al-Baqarah* (2: 1-5). Sebaik selesai membaca surah-surah ini, doa khatam al-Quran dijadikan sebagai penutup majlis khatam al-Quran. Oleh itu di sini disertakan ayat bacaan tersebut dan doa yang boleh dipohon sempena khatam al-Quran.

Senarai Bacaan al-Quran untuk Majlis Khatam al-Quran

Berikut ini senarai bacaan surah surah yang dibaca oleh orang yang ingin khatam al-Quran dan boleh dibaca bersama ahli keluarga atau sahabat handai bagi mengambil keberkatan amalan khatam al-Quran.

(1) Surah *al-Duha* (93: 1-11)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ① وَالصُّبْحِ ② وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَى ③ مَا وَدَّعَكَ
 رَبُّكَ وَمَا قَلَى ④ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَى ⑤ وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ
 رَبُّكَ فَتَرْضَى ⑥ أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَى ⑦ وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَى ⑧
 وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَى ⑨ فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ ⑩ وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا
 تَنْهَرْ ⑪ وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ⑫

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Demi waktu dhuba, (1) Dan malam apabila ia sunyi-sepi - (2) (bahawa) Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan Ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik). (3) Dan sesungguhnya kesudahan keadaanmu adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya. (4) Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat) sehingga engkau reda - berpuas hati. (5) Bukankah dia mendapati engkau yatim piatu, lalu Ia memberikan perlindungan? (6) Dan didapati-Nya engkau mencari-cari (jalan

yang benar), lalu Ia memberikan hidayah petunjuk (dengan wahyu - al-Quran)? (7) Dan didapati-Nya engkau miskin, lalu Ia memberikan kekayaan? (8) Oleh itu, adapun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya, (9) Adapun orang yang meminta (bantuan pimpinan) maka janganlah engkau tengking herdik; (10) Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan) sebagai bersyukur kepada-Nya. (11)

(Surah al-Duha, 93: 1-11)

(2) Surah al-Sharh (94: 1-8)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ۝ وَوَضَعْنَا عَنَّا
وِزْرَكَ ۝ ۞ الَّذِي أَنْقَضَ ظَهْرَكَ ۝ وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ۝ ۞ فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۝
إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۝ ۞ فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ۝ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَبْ ۝ ۞

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Bukankah Kami melapangkan bagimu dadamu (wahai Muhammad serta mengisinya dengan iman dan hidayah petunjuk)? (1) Dan Kami meringankan daripadamu bebanmu (menyiarkan Islam) - (2) Yang memberati tanggunganmu, (dengan memberikan berbagai kemudahan dalam melaksanakannya)? (3) Dan Kami meninggikan bagimu sebutan namamu (dengan mengurniakan pangkat Nabi dan berbagai kemuliaan)? (4) Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (5) (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (6) Kemudian apabila engkau selesai (daripada sesuatu amal-soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal-soleh yang lain), (7) Dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingini). (8)

(Surah al-Sharh, 94: 1-8)

(3) Surah *al-Tin* (95: 1-8)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ وَالْتَيْنِ وَالزَّيْتُونِ ۝ ۱ ۝ وَطُورِ سِينِينَ ۝ ۲ ۝ وَهَذَا الْبَلَدِ
 الْأَمِينِ ۝ ۳ ۝ لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۝ ۴ ۝ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ۝ ۵ ۝
 إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَالَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ۝ ۶ ۝ فَمَا يَكْذِبُكَ بَعْدُ
 بِالذِّينِ ۝ ۷ ۝ أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَحْكَمَ الْحَاكِمِينَ ۝ ۸ ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Demi buah Tiin dan Zaitun, (1) Dan Gunung Tursina, (2) Serta negeri (Makkah) yang aman ini, - (3) Sesungguhnya Kami menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). (4) Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kamiembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang yang rendah, (5) Kecuali orang yang beriman dan beramal-soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus. (6) (Jika demikian kekuasaan-Ku), maka apa pula yang menjadikan engkau seorang pendusta, (berkata tidak benar) mengenai hari pembalasan, sesudah (ternyata) dalil yang membuktikan kekuasaan-Ku mengadakan hari pembalasan itu? (7) Bukankah Allah (yang demikian kekuasaan-Nya) seadil-adil Hakim? (8)

(Surah *al-Tin*, 95: 1-8)

(4) Surah *al-'Alaq* (96: 1-19)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ ۱ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ
 عَلَقٍ ۝ ۲ ۝ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ ۳ ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ ۴ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ
 يَعْلَمَ ۝ ۵ ۝ كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَن لِيَطْغَى ۝ ۶ ۝ أَن رَّاهُ اسْتَعْجَى ۝ ۷ ۝ إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ

الرُّجْعَى ﴿٨﴾ أَرَأَيْتَ الَّذِي يَنْهَى ﴿٩﴾ عَبْدًا إِذَا صَلَّى ﴿١٠﴾ أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ عَلَى
 الْهُدَى ﴿١١﴾ أَوْ أَمَرَ بِالتَّقْوَى ﴿١٢﴾ أَرَأَيْتَ إِنْ كَذَّبَ وَتَوَلَّى ﴿١٣﴾ أَلَمْ يَعْلَمِ بِأَنَّ اللَّهَ يَرَى ﴿١٤﴾
 كَلَّا لَئِنْ لَّمْ يَنْتَه لِنَسْفَعَا بِالنَّاصِيَةِ ﴿١٥﴾ نَاصِيَةٍ كَذِبَةٍ خَاطِئَةٍ ﴿١٦﴾ فَيَدْعُ
 نَادِيَهُ ﴿١٧﴾ سَنَدَعُ الرِّيَّانَةَ ﴿١٨﴾ كَلَّا لَا تَطِعُهُ وَأَسْجُدْ وَأَقْتَرِبْ ﴿١٩﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), (1) Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; (2) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, - (3) Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, - (4) Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (5) Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya), (6) Dengan sebab ia melihat dirinya sudah cukup apa yang dihajatinya. (7) (Ingatlah) sesungguhnya kepada Tuhanmu lah tempat kembali (untuk menerima balasan). (8) Adakah engkau nampak (baiknya) orang yang melarang (dan menghalang) - (9) Seorang hamba Allah apabila ia mengerjakan solat? (10) Adakah engkau nampak (buruknya) jika ia berada di atas jalan yang betul? - (11) Atau ia menyuruh orang bertaqwa (jangan melakukan syirik)? (12) Adakah engkau nampak (terlepasnya dari azab) jika ia mendustakan (apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad kepadanya) serta ia berpaling ingkar? (13) Tidakkah ia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat (segala amal-perbuatannya dan membalasnya)? (14) Jangan sekali-kali berlaku derhaka! Demi sesungguhnya jika ia tidak berhenti (dari perbuatannya yang buruk itu), nescaya Kami akan menyentap ubun-ubunnya (dan menyeretnya ke dalam neraka), - (15) Ubun-ubun (orang) yang berdusta, yang bersalah. (16) Kemudian biarlah ia memanggil kumpulannya (untuk menyelamatkannya), (17) Kami pula akan memanggil malaikat Zabaniyah (untuk menyeksanya)! (18) Ingatlah! Janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendaknya, dan (sebaliknya) sujudlah dan dampingkanlah dirimu kepada Allah (dengan taat dan beramal-soleh)! ﴿١٩﴾

(Surah al-'Alaq, 96: 1-19)

(5) Surah *al-Qadar* (97: 1-5)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ۝ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ
 الْقَدْرِ ۝ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ۝ تَنزِيلُ الْمَلَكِ وَالرُّوحِ فِيهَا
 بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ۝ سَلَّمَ هِيَ حَتَّىٰ مَطَلَعِ الْفَجْرِ ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar, (1) Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu? (2) Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. (3) Pada Malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); (4) Sejahteralah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar! (5)

(Surah *al-Qadar*, 97: 1-5)

(6) Surah *al-Bayyinah* (98: 1-11)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ لَمْ يَكُنِ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ
 مُنْفَكِينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ الْبَيِّنَةُ ۝ رَسُولٌ مِّنْ اللَّهِ يَتْلُو صُحُفًا مُّطَهَّرَةً ۝ فِيهَا كُتُبٌ
 قَيِّمَةٌ ۝ وَمَا تَفَرَّقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَةُ ۝
 وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ
 وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ۝ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ

وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾ إِنَّ الَّذِينَ
 ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾ جَزَاءُ هُمْ عِنْدَ
 رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ
 عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِمَنْ حَتَّىٰ رَبَّهُ ﴿٨﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Orang yang kafir dari Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) serta orang musyrik, tidak akan terlepas (dari kepercayaan dan amalan masing-masing) sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas nyata, - (1) Iaitu seorang Rasul dari Allah yang membacakan (kepada mereka) lembaran Suci, (2) Terkandung dalamnya pelajaran dan hukum yang benar. (3) Dan orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Kitab (Taurat dan Injil) itu, tidak berpecah-belah melainkan setelah datang kepada mereka bukti yang jelas nyata. (4) Pada hal-mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Uagama yang benar. (5) Sesungguhnya orang yang kafir dari Ahli Kitab dan orang musyrik itu akan ditempatkan di dalam neraka Jahannam, kekalah mereka di dalamnya. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk. (6) Seungguhnya orang yang beriman dan beramal-soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk. (7) Balasan mereka di sisi Tuhannya ialah syurga Adn (tempat tinggal-yang tetap), yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; kekalah mereka di dalamnya selama-lamanya; Allah reda akan mereka dan merekapun reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberian-Nya. Balasan yang demikian itu untuk orang yang takut (melanggar perintah) Tuhannya. (8)

(Surah al-Bayyinah, 98: 1-11)

(7) Surah *al-Zalzalah* (99: 1-8)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ۝ وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ
 أَثْقَالَهَا ۝ وَقَالَ الْإِنْسَانُ مَا لَهَا ۝ يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا ۝ بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَى
 لَهَا ۝ يَوْمَئِذٍ يَصْدُرُ النَّاسُ أَشْتَاتًا لِيُرَوْا أَعْمَالَهُمْ ۝ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ
 ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۝ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya, (1) Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya. (2) Dan berkatalah manusia (dengan perasaan gerun), “Apa yang sudah terjadi kepada bumi?” (3) Pada hari itu bumipun menceritakan khabar beritanya: (4) Bahawa Tuhanmu memerintahnya (berlaku demikian). (5) Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) - untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) amal-mereka. (6) Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! (7) Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! (8)

(Surah *al-Zalzalah*, 99: 1-8)(8) Surah *al-Adiyah* (100: 1-11)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ وَالْعَادِيَاتِ ضَبْحًا ۝ فَالْمُورِيَاتِ قَدْحًا ۝
 فَالْمُغِيرَاتِ صُبْحًا ۝ فَأَثَرْنَ بِهِ نَقْعًا ۝ فَوَسَطْنَ بِهِ جَمْعًا ۝ إِنَّ
 الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنُودٌ ۝ وَإِنَّهُ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ۝ وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ

﴿٨﴾ أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعِثَ رَمَاهِ الْقُبُورِ ﴿٩﴾ وَحَصَلَ مَا فِي الصُّدُورِ ﴿١٠﴾ إِنَّ رَبَّهُمْ بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌ ﴿١١﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Demi Kuda Perang yang tangkas berlari dengan kedengaran kencang nafasnya, (1) Serta mencetuskan api dari telapak kakinya, (2) Dan meluru menyerbu musuh pada waktu subuh, (3) Sehingga menghamburkan debu pada waktu itu, (4) Lalu mengempur ketika itu di tengah-tengah kumpulan musuh; (5) Sesungguhnya manusia sangat tidak bersyukur akan nikmat Tuhannya. (6) Dan sesungguhnya ia (dengan bawaannya) menerangkan dengan jelas keadaan yang demikian; (7) Dan sesungguhnya ia melampau sangat sayangkan harta (secara tamak haloba). (8) (Patutkah ia bersikap demikian?) Tidakkah ia mengetahui (bagaimana keadaan) ketika dibongkarkan segala yang ada dalam kubur? (9) Dan dikumpul serta didedahkan segala yang terpendam dalam dada? (10) Sesungguhnya Tuhan mereka Maha Mengetahui dengan mendalam tentang (balasan yang diberikan-Nya kepada mereka - pada hari itu. (11)

(Surah al-'Adiyah, 100: 1-11)

(9) Surah al-Qari'ah (101: 1-11)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْقَارِعَةُ ﴿٢﴾ مَا الْقَارِعَةُ ﴿٣﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْقَارِعَةُ ﴿٤﴾ يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ ﴿٥﴾ وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمَنْفُوشِ ﴿٦﴾ فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ ﴿٧﴾ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ ﴿٨﴾ وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ ﴿٩﴾ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ﴿١٠﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَ ﴿١١﴾ نَارُ حَامِيَةٍ ﴿١٢﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Hari yang menggemparkan, (1) Apa dia hari yang menggemparkan itu? (2) Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari yang menggemparkan itu? - (3) (Hari itu ialah: hari kiamat), hari manusia menjadi seperti kelkatu yang terbang berkelahiran, (4) Dan gunung-ganang menjadi seperti bulu yang dibusar berterbangan. (5) Setelah berlaku demikian, maka (manusia akan diberikan tempatnya menurut amal-masing-masing); adapun orang yang berat timbangan amal-baiknya, - (6) Maka ia berada dalam kehidupan yang senang lenang. (7) Sebaliknya orang yang ringan timbangan amal-baiknya. - (8) Maka tempat kembalinya ialah 'Haawiyah' (9) Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apa dia 'Haawiyah' itu? (10) (Haawiyah itu ialah) api yang panas membakar. (11)

(Surah al-Qari'ah, 101: 1-11)

(10) Surah al-Takathur (102: 1-11)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ أَلْهَكُمُ التَّكَاثُرُ ۝ (١) حَتَّىٰ زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ۝ (٢) كَلَّا سَوْفَ
تَعْمُونَ ۝ (٣) ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْمُونَ ۝ (٤) كَلَّا لَوْ تَعْمُونَ عِلمَ الْيَقِينِ ۝ (٥) لَتَرَوُنَّ الْجَحِيمَ
۝ (٦) لَتَرَوُنَّهَا عَيْنَ الْيَقِينِ ۝ (٧) ثُمَّ لَتَسْأَلَنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ ۝ (٨)

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Kamu dilalaikan (daripada mengerjakan amal-bakti) oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya (harta benda, anak-pinak pangkat dan pengaruh), - (1) Sehingga kamu masuk kubur. (2) Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)! (3) Sekali lagi (diingatkan): jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak akibatnya yang buruk pada hari kiamat)! (4) Demi sesungguhnya! Kalaulah kamu mengetahui - (apa yang kamu akan hadapi) - dengan pengetahuan yang yakin, (tentulah kamu akan mengerjakan perkara yang menjadi bekalan kamu untuk hari akhirat). (5) (Ingatlah) demi sesungguhnya! - Kamu akan melihat neraka yang marak menjulang. (6) Selepas itu - demi sesungguhnya! - kamu (wahai orang yang derhaka) akan melihatnya dengan

penglihatan yang yakin (semasa kamu dilemparkan ke dalamnya)! (7) Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu menikmatinya)! (8)

(Surah *al-Takathur*, 102: 1-11)

(11) Surah *al-‘Asr* (103: 1-3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ وَالْعَصْرِ ۝ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝ إِلَّا الَّذِينَ
ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Demi Masa! (1) Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian - (2) Kecuali orang yang beriman dan beramal-soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. (3)

(Surah *al-‘Asr*, 103: 1-3)

(12) Surah *al-Humazah* (104: 1-9)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ۝ الَّذِي جَمَعَ مَالًا
وَعَدَدَهُ ۝ يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ ۝ كَلَّا لَيُنْبَذَت^ط فِي الْحُطَمَةِ ۝ وَمَا
أَدْرَاكَ مَا الْحُطَمَةُ ۝ نَارُ اللَّهِ الْمَوْقَدَةُ ۝ الَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى الْأَفْئِدَةِ ۝ إِنَّهَا
عَلَيْهِمْ مُّؤَصَّدَةٌ ۝ فِي عَمَدٍ مُمَدَّدَةٍ ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji, (1) Yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung kekayaannya; (2) Ia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (dalam dunia ini)! (3) Tidak! Sesungguhnya dia akan dicampakkan ke dalam 'al-Hutamah.' (4) Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apa dia 'al-Hutamah' itu? (5) (Al-Hutamah) ialah api Allah yang dinyalakan (dengan perintah-Nya), - (6) Yang naik menjulang ke hati; (7) Sesungguhnya api neraka itu ditutup rapat atas mereka. (8) (Mereka terikat di situ) pada batang palang yang melintang panjang. (9)

(Surah al-Humazah, 104: 1-9)

(13) Surah al-Fil (105: 1-5)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ ۝
 أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِي تَضْلِيلٍ ۝ وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ۝
 تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ۝ فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Tidakkah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu melakukan kepada angkatan tentera (yang dipimpin oleh pembawa) Gajah, (yang hendak meruntuhkan Kaabah)? (1) Bukankah Tuhanmu menjadikan rancangan jahat mereka dalam keadaan yang rugi dan memusnahkan mereka? (2) Dan Ia menghantarkan kepada mereka (rombongan) burung berpasuk-pasukan, - (3) Yang melontar mereka dengan batu dari sejenis tanah yang dibakar keras, - (4) Lalu Ia menjadikan mereka hancur berkecai seperti daun-daun kayu yang dimakan ulat. (5)

(Surah al-Fil, 105: 1-5)

(14) Surah Quraysh (106: 1-4)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ لِإِيلَافِ قُرَيْشٍ ۝ (۱) إِهْلَافِهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ
وَالصَّيْفِ ۝ (۲) فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ۝ (۳) الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ
جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ ۝ (۴)

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah) (1) (laitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman), dan pada musim panas (ke negeri Syam), (2) Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini, (3) Tuhan yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan. (4)

(Surah Quraysh, 106: 1-4)

(15) Surah al-Ma'un (107: 1-7)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْإِيمَانِ ۝ (۱) فَذَلِكَ
الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ ۝ (۲) وَلَا يَحْضُ عَلَىٰ طَعَامِ الْمَسْكِينِ ۝ (۳) قَوْلُ
لِلْمُصَلِّينَ ۝ (۴) الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ۝ (۵) الَّذِينَ
هُمْ يُرَاءُونَ ۝ (۶) وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ ۝ (۷)

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Tahukah engkau akan orang yang mendustakan ugama (meliputi hari pembalasan)? (1) Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, (2) Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. (3) (Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang yang mendustakan

ugama), maka kecelakaan besar bagi orang Ahli Solat - (4) (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan solatnya; (5) (Juga bagi) orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya), (6) Dan orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya). (7)

(Surah *al-Ma'un*, 107: 1-7)

(16) Surah *al-Kawthar* (108: 1-3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿٢﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ
وَأَنْحَرْ ﴿٣﴾ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿٤﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Sesungguhnya Kami mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). (1) Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). (2) Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diinginkannya). (3)

(Surah *al-Kawthar*, 108: 1-3)

(17) Surah *al-Kafirun* (109: 1-6)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ لَا أَعْبُدُ مَا
تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٣﴾ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ﴿٤﴾
وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), "Hai orang kafir! (1) "Aku tidak akan

menyembah apa yang kamu sembah. (2) “Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. (3) “Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. (4) “Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. (5) “Bagi kamu ugama kamu, dan bagiku ugamaku.” (6)

(Surah *al-Kafirun*, 109: 1-6)

(18) Surah *al-Nasr* (110: 1-3)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ۝ وَرَأَيْتَ
النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ۝ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah), - (1) Dan engkau melihat manusia masuk dalam ugama Allah beramai-ramai, - (2) Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepada-Nya, sesungguhnya Dia amat menerima taubat. (3)

(Surah *al-Nasr*, 110: 1-3)

(19) Surah *al-Masad* (111: 1-5)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ۝ مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ
وَمَا كَسَبَ ۝ سَيَصْلَىٰ نَارًا إِذْ أَتَا لَهَبًا ۝ وَأَمْرَأَتُهُ ۝ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ۝ فِي
جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Binasalah kedua-dua tangan Abu lahab, dan binasalah ia bersama! (1) Hartanya dan segala yang diusahakannya, tidak dapat menolongnya. (2) Ia akan menderita bakaran api neraka yang marak menjulang. (3) Dan juga isterinya, seorang perempuan pemungkah kayu api. - (4) Di lehernya sejenis tali, dari tali yang dipintal. (5)

(Surah al-Masad, 111: 1-5)

(20) Surah al-Ikhlās (112: 1-4)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ (٢) لَمْ يَلِدْ
وَلَمْ يُولَدْ ۝ (٣) وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝ (٤)

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; (1) "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; (2) "Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan; (3) "Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya." (4)

(Surah al-Ikhlās, 112: 1-4)

(21) Surah al-Falaq (113: 1-5)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ۝ (١) مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ (٢)
وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ۝ (٣) وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ۝ (٤) وَمِنْ
شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ۝ (٥)

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), "Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk, (1) "Dari bencana makhluk yang Ia

ciptakan; (2) “Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk; (3) “Dan dari kejahatan makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan (dan ikatan); (4) “Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya.” (5)

(Surah *al-Falaq*, 113: 1-5)

(22) Surah *al-Nas* (114: 1-6)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿٢﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٣﴾ إِلَهِ النَّاسِ ﴿٤﴾ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٥﴾ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٦﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٧﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad), “Aku berlindung kepada (Allah) Pemelihara sekalian manusia. (1) “Yang menguasai sekalian manusia, (2) “Tuhan yang berbak disembah oleh sekalian manusia, (3) “Dari kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam, - (4) “Yang melemparkan bisikan dan hasutanrya ke dalam hati manusia, - (5) “(Iaitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia.” (6)

(Surah *al-Nas*, 114: 1-6)

(23) Surah *al-Fatihah* (1: 1-7)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (1) Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. (2) Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (3) Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). (4) Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan. (5) Tunjukilah kami jalan yang lurus. (6) Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat. (7)

(Surah *al-Fatihah*, 1: 1-7)

(24) Surah *al-Baqarah* (2: 1-5)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾
 الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
 بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَيَآخِرَةَ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن
 رَبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Alif, Laam, Miim. (1) Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa; (2) Iaitu orang yang beriman kepada perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) solat serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. (3) Dan juga orang yang beriman kepada Kitab “al-Quran” yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan Kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya). (4) Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang yang berjaya. (5)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 1-5)

Bacaan surah terakhir al-Quran pada juzuk 30 adalah sangat baik disambung dengan bacaan terawal-al-Quran pada juzuk pertama al-Quran sebelum berdoa dengan membaca surah *al-Fatihah* (1: 1-7) dan surah *al-Baqarah* (2: 1-5) kemudian ditutup dengan ‘*Sadaq Allah al-‘Azim*’ (صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ) dan disudahi serta ditutup dengan bacaan doa khatam al-Quran.

Doa Khatam al-Quran

Setelah selesai membaca surah *al-Baqarah* (2: 1-5), barulah pengkhatam al-Quran atau ketua keluarga berdoa bersama-sama dengan sebarang doa. Namun doa berikut boleh dijadikan asas dan isi doa ini boleh ditambah dengan doa lain mengikut keperluan doa yang diperlukan oleh ahli keluarga yang ingin berdoa.

(1) Asas Doa Khatam al-Quran

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. حَمْدًا شَاكِرِينَ. وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ. وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِنَا مُحَمَّدٍ وَعَالِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Maksud: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam, pujian orang yang bersyukur dan kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertaqwa. Dan selawat dan salam ke atas Rasul Kami Nabi Muhammad, keluarganya, dan sahabatnya.*

اللَّهُمَّ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. وَتُبَّ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ
التَّوَّابُ الرَّحِيمُ. وَاهْدِنَا وَوَقِّفْنَا إِلَى الْحَقِّ وَإِلَى صِرَاطِ مُسْتَقِيمٍ. بِبَرَكَةِ
الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

Maksud: *Ya Allah, Tuhan kami terimalah doa dan amalan kami, sesungguhnya Engkau adalah Yang Maha Mendengar lagi Yang Maha Mengetahui. Dan terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkau Maha Penerima Taubat lagi Maha Mengasihani. Tunjuki dan bimbinglah kami kepada kebenaran dan kepada jalan yang lurus dengan berkat al-Quran.*

اللَّهُمَّ ارْحَمْنَا بِالْقُرْآنِ. وَاجْعَلْهُ لَنَا إِمَامًا وَنُورًا وَهُدًى وَرَحْمَةً. اللَّهُمَّ ذَكَّرْنَا مِنْهُ مَا نُسِينَا. وَعَلَّمْنَا مِنْهُ مَا جَهَلْنَا. وَارْزُقْنَا تِلَاوَتَهُ آتَاءَ اللَّيْلِ وَأَطْرَافِ النَّهَارِ. وَاجْعَلْهُ لَنَا حُجَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Maksud: *Ya Allah, kasihanilah kami dengan berkat al-Quran, dan jadikanlah sebagai pimpinan, cahaya, petunjuk, dan rahmat untuk kami. Ya Allah, ingtkanlah kami apa yang kami lupa dari al-Quran, dan ajarlah kami apa yang kami tidak tahu tentang isi al-Quran, dan kurniakanlah kami keupayaan untuk membacanya pada waktu malam dan siang, dan jadikanlah al-Quran itu sebagai hujjah untuk kami. Wahai Tuhan pemelihara sekalian alam.*

اللَّهُمَّ زَيِّنَا بِزِينَةِ الْقُرْآنِ. وَأَكْرِمْنَا بِكَرَامَةِ الْقُرْآنِ. وَشَرِّفْنَا بِشَرَفَةِ الْقُرْآنِ. وَأَلْبِسْنَا بِجِلْعَةِ الْقُرْآنِ. وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ بِشَفَاعَةِ الْقُرْآنِ. وَعَافِنَا مِنْ كُلِّ بَلَاءٍ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ بِحُرْمَةِ الْقُرْآنِ.

Maksud: *Ya Allah, biaskanlah diri kami dengan keindahan al-Quran, muliakan kami dengan kemuliaan al-Quran, dan serikan kami dengan ketinggian martabat al-Quran, dan pakaikan kami dengan pakaian permata al-Quran, masukkan kami ke dalam syurga dengan syafaat al-Quran, selamatkan kami daripada segala bencana dunia dan azab hari akhirat dengan berkat kehormatan al-Quran.*

اللَّهُمَّ اجْعَلِ الْقُرْآنَ لَنَا فِي الدُّنْيَا قَرِينًا. وَفِي الْقَبْرِ مُؤْنَسًا. وَفِي الْقِيَامَةِ شَفِيعًا. وَعَلَى الصِّرَاطِ نُورًا. وَإِلَى الْجَنَّةِ رَفِيقًا. وَمِنَ النَّارِ سِتْرًا وَحِجَابًا. وَإِلَى الْخَيْرِ كُلِّهَا دَلِيلًا وَإِمَامًا. بِفَضْلِكَ وَجُودِكَ وَكَرَمِكَ يَا كَرِيمُ.

Maksud: *Ya Allah, jadikanlah al-Quran semasa hidup kami di dunia sebagai rakan dan di dalam kubur sebagai kawan yang mesra, pada hari kiamat sebagai pembantu, sebagai cahaya penyuluh, semasa menuju ke syurga sebagai teman, dan sebagai penghadang dan pendinding dari api neraka, dan jadikanlah al-Quran untuk kami sebagai panduan dan ikutan kepada segala kebaikan, dengan limpah kurnia, kemurahan dan kemuliaan-Mu jua ya Allah, Tuhan Yang Maha Pemurah.*

اللَّهُمَّ اهْدِنَا بِهَدَايَةِ الْقُرْآنِ. وَنَجِّنَا مِنَ النَّيِّرَانِ بِكَرَامَةِ الْقُرْآنِ. وَارْفَعْ دَرَجَاتِنَا بِفَضِيلَةِ الْقُرْآنِ. وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا بِتِلَاوَةِ الْقُرْآنِ. يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

Maksud: *Ya Allah, tunjukilah kami dengan petunjuk al-Quran, selamatkanlah kami daripada api neraka dengan sebab kemuliaan al-Quran, tinggikanlah darjat martabat kami dengan sebab kelebihan al-Quran, dan hapuskanlah dosa kejahatan kami dengan sebab membaca al-Quran, ya Allah, Tuhan Yang Empunya segala macam kelebihan dan ehsan. Wahai Tuhan kami berilah kami kebaikan di dunia dan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab api neraka.*

(2) Doa Tambahan yang Lengkap dalam Bahasa Melayu

Ya Allah! Ampunilah dosaku, dosa isteri/suamiku, anak-anak kami (sebutkan nama mereka), ibu bapa kami, adik beradik kami, kaum kerabat kami dan seluruh umat Islam sama ada yang masih hidup atau yang sudah meninggal-dunia.

Ya Allah! Berilah kami hidayah, tambahkan hidayah kepada diri kami dan sempurnakan hidayah kepada diri kami. Jadikan kami insan yang benar-benar qarib, jadikan kami insan yang benar-benar kamil dan insan yang benar-

benar bertakwa. Sempurnakanlah akhlak kami seperti akhlak baginda Rasulullah SAW dan sempurnakanlah akhlak kami seperti akhlak al-Quran.

Ya Allah! Turunkan hidayah-Mu sebanyak-banyaknya ke permukaan alam ini agar mereka yang belum Islam dan beriman, mereka dapat Islam dan beriman kepada-Mu. Kasihanillah mereka, jika mereka mati dalam keadaan tidak beriman, mereka akan disiksa selama-lama dalam nerakamu. Jika mereka sudah ditakdirkan tidak akan beriman, sedangkan mereka memusubi agamamu, maka Engkau binasakan mereka agar agama-Mu tidak diinjak-injak oleh mereka. Bagi yang sudah beriman dan Islam seperti diri kami, berilah kami hidayah untuk teguh berada di atas jalan kebenaran Islam, pertingkatkan amalan kami yang wajib dan yang sunat, berilah kami pengetahuan dan kekuatan untuk beramal di atas ilmu tersebut, campak rasa berserta dengan tingkah laku kasih dan sayang kepada yang lebih muda dan hormat terhadap yang lebih tua, serta tanamkan sikap memuliakan para alim ulama. Pilihlah kami sebagai pejuang yang menegakkan agama-Mu di permukaan alam ini.

Ya Allah! Buangkanlah sifat mazmumah dalam hati. Buanglah segala sifat riyak, bongkak, takbur, sum'ah (سُمْعَة), hasad, dengki, iri hati, dan lain-lain lagi sifat mazmumah. Hiaskan pula hati kami dengan sifat mahmudah, iaitu sifat ikhlas, syukur, sabar, qana'ah (قَنَاعَة), khauf dan raja', takwa, dan lain-lain sifat mahmudah.

Ya Allah! Berilah kami umur yang panjang dengan kesihatan yang baik. Jadikanlah masa-masa kami di dunia untuk kami dapat mengumpulkan bekalan yang panjang di alam akhirat. Jauhilah kami penyakit yang berpanjangan, penyakit wabak, penyakit berjangkit, dan penyakit yang menyukarkan kami untuk beribadah kepada-Mu.

Ya Allah! Matikanlah kami dalam husn al-khatimah (حَسَنُ الْخَاتِمَةِ), matikan kami dalam golongan orang yang syahid, matikanlah kami dalam kalimah 'la ilaha illah' (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ), matikan kami dalam keadaan Engkau reda, dan matikan kami sebagai seorang Islam.

Ya Allah! Perliharalah kami daripada azab kubur, gigitan ular, himpitan kubur. Jangan jadikan kubur kami satu lembah daripada lembah neraka-Mu, tetapi jadikanlah kubur kami satu taman daripada taman syurga-Mu. Lapangkanlah kubur kami sejauh mata memandang, bukakanlah pintu syurga ke dalam kubur kami agar bau-bauan syurga dapat masuk dalam kubur kami,

terangilah kubur kami, dan berilah kami teman dalam kubur kami. Berikanlah kenikmatan kubur ini juga kepada kedua-dua ibu bapa kami yang telah meninggal-dunia, (iaitu ... [sebutkan nama mereka]), kasihanilah mereka sebagaimana mereka mengasihani kami sewaktu kami kecil. Berikanlah kenikmatan dan pelepasan azab kubur ini juga kepada semua saudara kami yang sudah meninggal dunia dalam kalangan umat Islam.

Ya Allah! Berilah kami lindungan Arasymu daripada kepanasan matahari di Padang Mahsyar. Berilah kami cahaya yang cukup untuk menerangi perjalanan kami menuju ke Mahsyar dan syurga-Mu. Berilah kami dapat minum air telaga Kauthar kekasih-Mu Nabi Muhammad SAW yang dengan meminumnya kami tidak akan haus buat selama-lamanya. Permudahkan penghisaban kami, berilah kami buku catitan dengan tangan kanan, mudahkanlah kami dapat melintas titian sirat pantas seperti kilat, peliharalah kami daripada azab neraka, dan berilah kami berilah kami syurga-Mu.

Ya Allah! Kasihanilah anak-anak kami (nyatakan nama mereka). Golongkan mereka dalam kalangan para solehin, hafizin, dan 'alimin. Berikanlah mereka keselamatan, kesejahteraan, kerahmatan, keberkatan dalam hidup, dan kemurahan rezeki-Mu. Permudahkan rezeki dan keperluan mereka agar mereka boleh menfokuskan peribadatan dan kebaktian kepada-Mu. Peliharalah mereka daripada melakukan dosa besar khususnya zina dan peliharalah mereka juga daripada melakukan dosa kecil. Peliharalah mereka daripada dipandang dan dilihat oleh mata manusia yang jahat, dengki, dan iri hati. Jadikanlah mereka orang yang hebat di dunia dan hebat di akhirat. Jadikanlah mereka orang cemerlang di dunia dan cemerlang di akhirat. Jadikanlah mereka pemimpin umat. Jadikanlah mereka orang yang dihormati dan dikasihi dalam kalangan penduduk di dunia serta dikasihi dan dicintai dalam kalangan penduduk di langit. Percepatkan jodoh mereka dalam kalangan para solehin dan lahirkan daripada mereka pejuang Islam yang cemerlang yang membawa Islam hingga ke hari kiamat.

(3) Penutup Doa

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا
يَصِفُونَ. وَسَلَّمَ عَلَى الْمُرْسَلِينَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksud: *Allah mencucuri rahmat dan salam sejahtera ke atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW serta keluarga dan sahabat baginda sekalian. Maha Suci Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dan kekuasaan dari apa yang mereka katakan dan selamat sejahtera kepada sekalian rasul. Dan segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam.*

Orang yang khatam al-Quran boleh berdoa apa sahaja yang menjadi keperluan dalam kehidupan mereka dan mengambil kesempatan daripada kemustajaban doa ketika ini. Namun digalakkan dalam berdoa untuk mengutamakan perkara akhirat berbanding perkara dunia. Contoh doa tambahan dalam bahasa Melayu ini boleh disesuaikan dengan seseorang yang ingin berdoa untuk diri sendiri dan ahli keluarganya.

TEMPOH UNTUK KHATAM AL-QURAN

Membaca al-Quran dan mengkhatamkan pembacaannya merupakan salah satu bentuk pengabdian diri yang digalakkan dalam Islam untuk setiap Muslim melakukannya sebagai satu cara mendekati diri kepada Allah SWT. Sama seperti puasa, membaca al-Quran juga mempunyai kadar yang minimum dan maksimum untuk seseorang melakukannya mengikut kekuatan dan kemampuan diri seseorang. Kadar tempoh bacaan khatam al-Quran tersebut adalah 30 atau 40 hari sekali, atau mengkhatamkan al-Quran sekurang-kurangnya setahun dua kali khatam, atau jika mampu seseorang boleh mengkhatamkan al-Quran dalam tempoh tiga, lima, dan tujuh hari.

Kadar Terbaik Khatam ialah 30 atau 40 hari

Hadis berikut ini menjelaskan tahap kadar paling minimum dan maksimum dalam mengkhatamkan al-Quran menurut Islam (Al-Nawawi, 1998: 150/159; Al-Bukhari, 2001: 5052; Muslim, t.th.: 1159):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، قَالَ: «أَنَّكَحَنِ أَبِي امْرَأَةً ذَاتَ حَسَبٍ، فَكَانَ يَتَعَاهَدُ كَنَّتَهُ، فَيَسْأَلُهَا عَنْ بَعْلِهَا.» فَتَقُولُ: «نِعَمَ الرَّجُلِ مِنْ رَجُلٍ لَمْ يَطَأْ لَنَا فِرَاشًا، وَلَمْ يُفْتَشْ لَنَا كَنَفًا مُنْذُ أَتَيْنَاهُ.» فَلَمَّا طَالَ ذَلِكَ عَلَيْهِ ذَكَرَ لِلنَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: «الْقَنِي بِهِ.» فَلَقِيْتُهُ بَعْدُ، فَقَالَ: «كَيْفَ تَصُومُ؟» قَالَ: «كُلَّ يَوْمٍ.» قَالَ: «وَكَيْفَ تَخْتِمُ؟» قَالَ: «كُلَّ لَيْلَةٍ.» قَالَ: «صُمْ فِي كُلِّ شَهْرٍ ثَلَاثَةً، وَاقْرَأِ الْقُرْآنَ فِي كُلِّ شَهْرٍ.» قَالَ: «قُلْتُ: «أُطِيقُ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ.» قَالَ: «صُمْ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ فِي الْجُمُعَةِ.» قُلْتُ: «أُطِيقُ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ.» قَالَ: «أَفْطِرُ يَوْمَيْنِ وَصُمْ يَوْمًا.» قَالَ: «قُلْتُ: «أُطِيقُ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ.» قَالَ: «صُمْ أَفْضَلَ الصَّوْمِ صَوْمَ دَاوُدَ صِيَامَ يَوْمٍ وَإِفْطَارَ يَوْمٍ، وَاقْرَأْ فِي كُلِّ سَبْعِ لَيَالٍ مَرَّةً.» فَلَيْتَنِي قَبِلْتُ رُحْمَةَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ، وَذَاكَ أَنِّي كَبِرْتُ وَضَعُفْتُ، فَكَانَ يَقْرَأُ عَلَيَّ بَعْضُ أَهْلِهِ السَّبْعَ مِنَ الْقُرْآنِ

بِالنَّهَارِ، وَالَّذِي يَقْرُوهُ يَعْرِضُهُ مِنَ النَّهَارِ، لِيَكُونَ أَخَفَّ عَلَيْهِ بِاللَّيْلِ، وَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَتَقَوَّى أَفْطَرَ أَيَّامًا وَأَحْصَى، وَصَامَ مِثْلَهُنَّ كَرَاهِيَةً أَنْ يَتْرَكَ شَيْئًا، فَارَقَ النَّبِيَّ ﷺ عَلَيْهِ. قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: «وَقَالَ بَعْضُهُمْ: «فِي ثَلَاثٍ وَفِي خَمْسٍ وَأَكْثَرُهُمْ عَلَى سَبْعٍ.»

Maksud: Abdullah bin 'Amru berkata, "Bapaku menikahkanku dengan seorang wanita yang memiliki kemuliaan tinggi. Lalu bapaku bertanya kepada menantunya mengenai suaminya. Maka si menantu pun berkata, "Dia adalah lelaki terbaik, ia belum pernah meniduriku dan tidak juga memelukku mesra semenjak aku menemuinya." Maka setelah selang beberapa lama, bapaku pun mengadakan hal itu pada nabi SAW, akhirnya Baginda bersabda, "Bawalah ia kemari." Maka setelah itu, aku pun datang menemui Baginda, dan Baginda bersabda, "Bagaimanakah ibadah puasamu?" Aku menjawab, "Setiap hari." Baginda bertanya lagi, "Lalu bagaimana dengan pengkhataman al-Quranmu?" Aku menjawab, "Setiap malam." Akhirnya Baginda bersabda, "Berpualah tiga hari pada setiap bulannya dan bacalah (dengan mengkhatamkan) al-Quran sekali pada setiap bulan." Aku katakan, "Aku mampu lebih dari itu." Baginda bersabda, "Kalau begitu, berpualah tiga hari dalam satu minggu." Aku berkata, "Aku masih mampu lebih dari itu." Baginda bersabda, "Kalau begitu, berbukalah dua hari dan berpualah sehari." Aku katakan, "Aku masih mampu lebih dari itu." Baginda bersabda, "Berpualah dengan puasa yang paling utama seperti puasa Nabi Dawud, iaitu berpualah sehari dan berbuka sehari. Dan khatamkanlah al-Quran sekali dalam tujuh hari." Maka sekiranya aku menerima keringanan yang diberikan nabi SAW, ketika itu aku masih kuat, sementara sekarang telah menjadi lemah. Mujahid berkata; Lalu ia membacakan sepertujuh dari al-Quran kepada keluarganya pada siang hari, dan ayat yang

ia baca, ia perlihatkan pada siang harinya hingga pada malam harinya ia boleh lebih mudah membacanya. Dan bila ingin memperoleh kekuatan, maka ia akan berbuka beberapa hari dan menghitungnya, lalu ia berpuasa sebanyak itu pula, sebab ia tidak suka meninggalkan sesuatu yang menyalahi nabi SAW. Abu Abdullah berkata, “Dan sebahagian mereka berkata; Tiga, atau lima, dan yang terbanyak adalah tujuh.”

(Al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Al-Bughawi (1983: 4/498), kadar bacaan al-Quran untuk dikhatamkan dalam hadis ini jika digabungkan dengan hadis yang lain mempunyai beberapa kategori. Terdapat hadis yang menyuruh Abdullah bin ‘Amru mengkhataam al-Quran sebanyak 40 hari sekali berbanding kadar maksimum dalam hadis ini sebanyak 30 hari. Oleh itu, Ishak bin Ibrahim mengatakan bahawa berdasarkan perbincangan kalangan ulama bahawa tidak digalakkan bagi seseorang Muslim itu untuk membaca al-Quran lebih daripada 40 hari ini. Tahap bacaan ini merupakan tahap bacaan yang terbaik bagi seseorang Muslim. Bahkan sesetengah ulama menurut Al-Suyuti (1986: 1/96) menghukumkan makruh bagi seseorang untuk tidak mengkhataamkan al-Quran lebih daripada jumlah 40 hari tersebut.

Tempoh Terpanjang untuk Khatam al-Quran

Tahap tempoh yang paling maksimum yang pernah dicadangkan untuk dikhatamkan al-Quran adalah dengan mengkhataamkan al-Quran sebanyak dua kali dalam setahun dan tidak ada tahap yang lebih lama daripada ini yang pernah diberitakan. Menurut Imam Al-Suyuti (1986: 1/96) lagi dengan memetik kata-kata Imam Abu al-Laith Al-Samarqandi (1993: 316) bahawa tuntutan untuk seseorang mengkhataamkan al-Quran dalam setahun ialah dua kali. Seseorang yang mengkhataamkan al-Quran dengan qadar ini dianggap sudah menunaikan hak al-Quran.

Hal-ini sebagaimana yang diriwayatkan daripada al-Hasan bin Ziyad daripada Abu Hanifah bahawa Abu Hanifah pernah berkata:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فِي كُلِّ سَنَةٍ مَرَّتَيْنِ فَقَدْ أَدَّى حَقَّهُ لِأَنَّ النَّبِيَّ
 ﷺ قَرَأَ عَلَى جِبْرَائِيلَ ﷺ فِي السَّنَةِ الَّتِي فُيِّضَ فِيهَا مَرَّتَيْنِ.

Maksud: *Sesiapa yang membaca al-Quran pada setiap tahun dua kali, maka sesungguhnya dia menunaikan hak al-Quran. Hal-ini demikian kerana Nabi SAW pernah membaca kepada Jibrail AS pada tahun yang diwafatkan padanya sebanyak dua kali.*

(Abu Hanifah)

Seseorang yang berjaya menunaikan hak al-Quran, maka dia layak untuk mendapat syafaatnya sebagaimana maksud hadis (Muslim, t.th.: 804):

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، يَقُولُ:
 «اقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ.»

Maksud: *Abu Umamah al-Bahili berkata, “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya pada hari kiamat ia datang memberi syafaat kepada orang yang membacanya.”*

(Muslim)

Al-Mulla Ali al-Qari (2002: 4/1460) menjelaskan bahawa maksud ‘bacalah al-Quran’ membawa erti ambil kesempatan untuk membaca al-Quran dan sentiasa membacanya supaya al-Quran tersebut mampu membantu dan memberi syafaat kepada orang rajin membacanya dengan

penuh adab. Justeru, kadar terendah yang boleh diamalkan oleh umat Islam dalam pembacaan al-Quran ialah dengan mengkhatamkan al-Quran sebanyak dua kali setahun.

Tempoh Terpendek untuk Khatam al-Quran

Menurut Imam Al-Suyuti (1986: 1/96), kadar hari yang paling minimum untuk seseorang mengkhatamkan al-Quran seperti dalam hadis ini (Al-Nawawi, 1998: 150/159; Al-Bukhari, 2001: 5052; Muslim, t.th.: 1159) ialah tujuh hari, lima hari, dan paling kurang adalah tiga hari. Ahli hadis sendiri berkata al-Quran jangan dibaca sehingga dikhatamkan kurang daripada tiga hari kerana seseorang yang membaca dengan kadar yang kurang daripada tiga hari tersebut sudah tentu tidak akan dapat memahami al-Quran dengan baik. Hal-ini terbukti melalui satu hadis, iaitu (Al-Tirmidhi, 1998: 2946; Ibn Majah, 2009: 1347):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «لَمْ يَفْقَهُ
مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ فِي أَقَلِّ مِنْ ثَلَاثِ»

Maksud: 'Abdullah bin Amru menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, bersabda, "Tidak akan dapat memahami orang yang membaca al-Quran kurang dari tiga hari."

(Al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

Bahkan 'Abdullah bin Mas'ud pernah berkata bahawa orang yang membaca al-Quran kurang daripada tiga hari adalah orang yang mengada-adakan sesuatu yang baru. Namum begitu, dalam kalangan ulama masih memberi kelonggaran untuk membaca al-Quran dan mengkhatamkannya dalam sehari atau dua hari dengan sekali khatam. Hal ini demikian kerana kadar ini pernah dilakukan oleh Sayidina Uthman RA, Sa'id bin Jubair RA, dan Tamin Dari RA. Athar berikut

menggambarkan amalan khatam al-Quran yang dilakukan oleh para sahabat dan para tabiin (Al-Darimi, 2000: 3528):

عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ: «أَنَّهُ كَانَ يَخْتِمُ الْقُرْآنَ كُلَّ لَيْلَتَيْنِ.»

Maksud: Sa'id bin Jubair menceritakan bahawa ia selalu mengkehatamkan al-Quran setiap dua malam.

(Al-Darimi)

Berdasarkan athar ini dan amalan sahabat dan tabiin, maka para ulama berpendapat bahawa harus untuk khatam al-Quran kurang daripada tiga hari bagi sesiapa yang mampu melakukannya sekalipun terdapat dalil (Al-Tirmidhi, 1998: 2946; Ibn Majah, 2009: 1347) yang tidak mengalakkannya.

HUJAH TATACARA KHATAM AL-QURAN

Tatacara khatam al-Quran yang dicadangkan dalam amalan khatam al-Quran sebenarnya merupakan tuntutan yang diamalkan oleh Nabi SAW, para sahabatnya, dan para tabiin. Bahagian ini akan cuba membincangkan serba sedikit hujah tatacara adab tersebut.

Pilih Waktu Awal Pagi atau Awal Malam

Salah satu tatacara adab khatam al-Quran ialah memilih waktu pada awal pagi atau awal malam. Hal ini demikian kerana, seseorang yang mengkhatamkan al-Quran akan mendapat doa keselamatan daripada malaikat dalam tempoh lebih lama sama ada pada siang hari atau malam hari. Kenyataan ini berdasarkan kenyataan berikut (Al-Darimi, 2000: 3520):

عَنْ إِبْرَاهِيمَ، قَالَ: «إِذَا قرَأَ الرَّجُلُ الْقُرْآنَ نَهَارًا، صَلَّتْ عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ حَتَّى يُمَسِّيَ، وَإِنْ قرَأَهُ لَيْلًا، صَلَّتْ عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ حَتَّى يُصْبِحَ» قَالَ سُلَيْمَانُ: «فَرَأَيْتُ أَصْحَابَنَا يُعْجِبُهُمْ أَنْ يَخْتِمُوهُ أَوَّلَ النَّهَارِ، وَأَوَّلَ اللَّيْلِ.»

Maksud: Ibrahim (al-Nak'i) berkata, "Jika seseorang membaca al-Quran pada siang hari, maka para malaikat akan bersalawat untuknya sampai ke petang. Jika ia membacanya pada malam hari maka para malaikat akan bersalawat untuknya sampai ke pagi." Sulaiman berkata, "Aku melihat para sahabat kami lebih suka mengkhathamkan al-Quran pada awal siang dan pada awal malam.

(Al-Darimi)

Maksud hadis ini 'sesiapa yang membaca' merujuk mengkhathamkan bacaan al-Quran. Kenyataan ini diperkukuhkan dengan kenyataan Sulayman bahawa dia melihat para shabat suka mengkhathamkan al-Quran pada awal siang atau awal malam.

Galakan untuk mengkhathamkan al-Quran pada awal-malam ini juga ditunjukkan dalam athar berikut (Al-Darimi, 2000: 3516):

عَنْ ثَابِتِ الْبُنَانِيِّ، قَالَ: «كَانَ أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ، إِذَا أَشْفَى عَلَى خَتَمِ الْقُرْآنِ بِاللَّيْلِ، بَقِيَ مِنْهُ شَيْئًا حَتَّى يُصْبِحَ فَيَجْمَعُ أَهْلَهُ فَيَخْتِمُهُ مَعَهُمْ.»

Maksud: Thabit al-Bunaniyy menceritakan, "Apabila Anas bin Malik hampir hendak mengkhathamkan al-Quran pada malam hari, ia membiarkan

baki sedikit dari (bacaan) al-Quran hingga waktu pagi. Lalu ia mengumpulkan keluarganya, kemudian ia mengkhataamkan al-Quran bersama mereka.”

(Al-Darimi)

Berdasarkan kedua-dua athar amalan sahabat ini, maka umat Islam dituntut untuk mengkhataamkan al-Quran pada awal pagi atau awal malam supaya boleh memperoleh doa keselamatan yang lebih lama daripada malaikat sebaik sahaja dia mengkhataamkan al-Quran.

Bagi negeri yang terdapat musim sejuk dan musim panas, maka Ibn al-Mubarak berkata (Al-Marwazi, 1988: 1/261):

إِذَا كَانَ الشَّتَاءُ فَاخْتِمِ الْقُرْآنَ فِي أَوَّلِ اللَّيْلِ، وَإِذَا كَانَ الصَّيْفُ فَاخْتِمَهُ فِي أَوَّلِ النَّهَارِ.

Maksud: Apabila musim sejuk, maka hendaklah khatam al-Quran pada awal malam. Manakala apabila musim panas, maka khatam dilakukan pada awal siang.

(Al-Marwazi)

Tujuan dilakukan demikian supaya orang yang mengkhataamkan al-Quran mendapat doa keselamatan daripada para malaikat dengan lebih lama disebabkan pada musim sejuk malam menjadi lebih panjang. Sedangkan pada musim panas pula siang menjadi lebih panjang.

Majlis Buat Orang yang Khatam al-Quran

Athar yang lalu (Al-Darimi, 2000: 3516) menunjukkan bahawa ketika seseorang ingin khatam al-Quran, maka sangat digalakkan untuk mengumpulkan ahli keluarganya untuk sama-sama meraikan majlis

khatam al-Quran bersama-sama sehingga selesai berdoa. Athar ini disokong lagi dengan athar yang lain daripada riwayat Thabit bin Qais RA berkata (Al-Darimi, 2000: 3801):

كَانَ أَنَسٌ إِذَا خَتَمَ الْقُرْآنَ جَمَعَ وَاَهْلَهُ وَأَهْلَ بَيْتِهِ فَدَعَا لَهُمْ.

Maksud: Adalah Anas apabila mengkhatamkan al-Quran, beliau menghimpunkan anaknya dan ahli keluarganya di rumah beliau kemudian berdoa bagi mereka.

(Al-Darimi)

Boleh juga dibuatkan majlis untuk menjemput orang ramai bagi meraikan orang yang khatam al-Quran sebagaimana yang dilakukan oleh Ibnu ‘Abbas dalam athar ini (Al-Darimi, 2000: 3515):

عَنْ قَتَادَةَ قَالَ كَانَ رَجُلٌ يَقْرَأُ فِي مَسْجِدِ الْمَدِينَةِ وَكَانَ ابْنُ عَبَّاسٍ قَدْ وَضَعَ عَلَيْهِ الرَّصَدَ فَإِذَا كَانَ يَوْمَ خَتْمِهِ قَامَ فَتَحَوَّلَ إِلَيْهِ.

Maksud: Qatadah berkata, “Ada seseorang yang membaca al-Quran di dalam masjid Madinah. Ketika itu Ibnu Abbas menempatkan seseorang untuk mengawasinya. Tatkala hari pengkhataman tiba, ia berdiri lalu berada bersamanya.

(Al-Darimi)

Ahli keluarga atau orang yang menyaksikan seorang ahli dalam keluarganya sedang khatam al-Quran mendapat pahala yang besar sebagaimana hadis berikut (Al-Darimi, 2000: 3514):

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ، رَفَعَهُ قَالَ: «مَنْ شَهِدَ الْقُرْآنَ حِينَ يُفْتَحُ،
فَكَأَنَّمَا شَهِدَ فَتْحًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَمَنْ شَهِدَ خَتْمَهُ حِينَ
يُخْتَمُ، فَكَأَنَّمَا شَهِدَ الْغَنَائِمَ حِينَ تُفَسَّمُ.»

Maksud: *Abu Qilabah memarfukannya, ia berkata, "Barang siapa yang menyaksikan ketika al-Quran mulai dibaca maka seakan-akan ia menyaksikan sebuah penaklukan di jalan Allah. Barangsiapa yang menyaksikan pengkhatamannya maka seakan-akan ia menyaksikan saat harta ghanimah dibahagi-bahagikan.*

(Al-Darimi)

Seolah-olah amalan majlis khatam al-Quran ini merupakan majlis yang dibudayakan dalam keluarga bagi meraikan orang yang berjaya menghabiskan bacaan mereka di samping memberikan motivasi dalam kalangan keluarga untuk berlumba-lumba dalam membaca al-Quran. Apa yang lebih penting, setiap ahli keluarga dapat mengambail faedah daripada doa yang mustajab untuk orang yang khatam al-Quran.

Bacaan Khatam Bermula daripada Surah *al-Duha*

Berdasarkan athar berikut bahawa majlis khatam al-Quran dimulai bacaannya daripada surah *Duha* (93: 1-11)(Al-Bayhaqi, 2003: 1912; Al-Fakihi, 1994: 1744):

عَنْ عِكْرِمَةَ بْنِ سُلَيْمَانَ، مَوْلَى بَنِي شَيْبَةَ قَالَ: «قَرَأْتُ عَلَى
إِسْمَاعِيلَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ قُسْطَنْطِينٍ مَوْلَى بَنِي مَيْسِرَةَ، فَلَمَّا
بَلَغْتُ: (وَالصُّحَى) قَالَ: كَبَّرَ حَتَّى تَخْتَمَ.»

Maksud: *Ikramah bin Sulayman, mawla Bani Syaybah berkata, "Aku membaca al-Quran di samping Isma'il bin 'Abdullah bin Qustantine, iaitu mawla Bani Maysarah. Ketika aku sampai 'Wa al-Duha' (والضحى) (surah al-Duha, 93: 1-11) beliau berkata, "Bertakbirlah sehingga kamu khatam."*

(*Al-Bayhaqi dan al-Fakihi*)

Berdasarkan athar ini majlis khatam dengan orang yang mengkhatamkan al-Quran membaca daripada surah *al-Duha* (93: 1-11). Bacaan ini disaksikan semua ahli keluarga sama ada mereka membaca bersama atau mendengar dengan penuh tekun.

Berdasar dalil yang sama ini juga (Al-Bayhaqi, 2003: 1912; Al-Fakihi, 1994: 1744), maka setiap surah yang dibaca yang dimulai dengan surah al-Duha (93: 1-11) akan diselang selikan dengan bacaan tahlil dan takbir, iaitu '*la ilaha ill Allah wa Allahu Akbar*' (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ).

Tempat untuk Mengakhiri Bacaan Khatam al-Quran

Tempat terakhir untuk mengakhiri bacaan khatam al-Quran ialah dengan membaca sebahagian daripada surah *al-Baqarah* (2: 1-5) selepas membaca surah *al-Fatihah* (1: 1-7). Pengkhataman dengan cara ini merupakan amalan yang paling utama sebagaimana maksud hadis (Al-Tirmidhi, 1998: 800):

عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ زُرَّارَةَ بْنِ أَوْفَى، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ سُئِلَ: «أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ؟» قَالَ: «الْحَالُ الْمُرْتَحِلُ.» قِيلَ: وَمَا الْحَالُ الْمُرْتَحِلُ؟ قَالَ: «صَاحِبُ الْقُرْآنِ يَضْرِبُ مِنْ أَوَّلِ الْقُرْآنِ إِلَى آخِرِهِ، وَمِنْ آخِرِهِ إِلَى أَوَّلِهِ، كُلَّمَا حَلَّ، ارْتَحَلَ.»

Maksud: *Qatadah menceritakan daripada Zurarah bin Awfa bahawa Nabi SAW ditanya, "Amalan apa yang paling utama?" Baginda menjawab, "al-hall dan al-murtahil." Lalu ditanya kembali, "Apakah yang dimaksud "al-hall dan al-murtahil?" Baginda menjawab, "Iaitu orang yang terus menerus menyambung (selalu mengkhataamkan) dari awal al-Quran sampai akhir, sebaik sahaja (mengkhataamkan al-Quran), dia memulainya lagi."*

(*Al-Tirmidhi*)

Al-Kahlani (2002: 1/633) ketika menjelaskan tentang pengertian *al-Hall* dan *al-Murtahil* dengan menjelaskan cara ahli Mekah mengkhataamkan al-Quran, iaitu:

وَكَذَلِكَ قُرَاءُ أَهْلِ مَكَّةَ إِذَا خَتَمُوا الْقُرْآنَ بِالتَّلَاوَةِ ابْتَدَأُوا،
فَقَرَأُوا الْفَاتِحَةَ، وَخَمْسَ آيَاتٍ إِلَى قَوْلِهِ: «الْمُفْلِحُونَ».

Maksud: *Demikianlah qari penduduk Mekah ketika mereka khatam al-Quran melalui tilawah, mereka akan memulakan dahulu (sebelum ditutup untuk doa), maka mereka membaca surah al-Fatihah serta lima ayat pertama sehinggalah sampai kepada kalimah 'al-muflihun.'*

Berdasarkan amalan qari penduduk Mekah ini, maka digalak juga bagi umat Islam untuk menambah bacaan khatam al-Quran, iaitu surah *al-Fatihah* (1: 1-7) dan surah *al-Baqarah* (2: 1-5) hingga ayat ke lima. Kemudian barulah ditutup majlis khatam al-Quran dengan doa.

Galakan Berdoa Sebaik Sahaja Khatam al-Quran

Bahagian terpenting daripada majlis khatam al-Quran ialah doa penutup. Doa selepas khatam al-Quran merupakan doa yang makbul

dan tidak akan ditolak permohonan seseorang. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam ahthar tabiin berikut (Al-Darimi, 2000: 3525):

عَنْ الْحَكَمِ، قَالَ: «بَعَثَ إِلَيَّ مُجَاهِدٌ قَالَ: «إِنَّمَا دَعَوْنَاكَ أَنَّا
أَرَدْنَا أَنْ نَخْتِمَ الْقُرْآنَ وَإِنَّهُ بَلَّغَنَا أَنَّ الدُّعَاءَ يُسْتَجَابُ عِنْدَ
خَتْمِ الْقُرْآنِ.» قَالَ: «فَدَعُوا بِدَعَوَاتٍ.»

Maksud: *Al-Hakam* berkata, “Seseorang mengirimkan undangan kepadaku dan berkata, “Sesungguhnya kami mengundangmu hanya kerana kami ingin mengkhatamkan al-Quran. Telah sampai khabar kepada kami bahawa doa ketika pengkhataman al-Quran itu dikabulkan. Ia melanjutkan, “Maka mereka berdoa dengan beberapa doa.”

(*Al-Darimi*)

Terdapat juga dalil daripada hadis yang yang mengukuhkan athar ini, iaitu (*Al-Tabrani*, 1994: 647):

عَنِ الْعِرْبَاضِ بْنِ سَارِيَةَ قَالَ: «قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ صَلَّى
صَلَاةً فَرِيضَةً فَلَهُ دَعْوَةٌ مُسْتَجَابَةٌ، وَمَنْ خَتَمَ الْقُرْآنَ فَلَهُ
دَعْوَةٌ مُسْتَجَابَةٌ.»

Maksud: *Irbad bin Sariyah* berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa solat dengan solat fardu, maka dia memperoleh doa yang mustajab. Begitu juga sesiapa yang khatam al-Quran dia memperoleh doa yang mustajab.

(*Al-Tabrani*)

Justeru, setiap pengkhatam al-Quran wajar mengambil kesempatan yang besar untuk berdoa ketika khatam al-Quran dengan doa yang memberikan kebaikan buatnya dan ahli keluarganya serta umat Islam dan umat manusia sama ada kebaikan dunia dan kebaikan akhirat.

RUMUSAN

Buku ini berjaya membincangkan tatacara khatam al-Quran dan bacaan ketika khatam al-Quran serta doa ketika khatam al-Quran. Mudah-mudahan buku ini boleh membantu umat Islam untuk khatam al-Quran dan mereka boleh mengambil kesempatan daripada khatam al-Quran tersebut untuk berdoa bagi memenuhi keperluan untuk kehidupan dunia dan kehidupan akhirat.

RUJUKAN

- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003. *Sha'b al-Iman*. 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (Ed.). Jld. 1-14. Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bughawi, Al-Husain Mas'ud. 1983. *Sharh al-Sunnah*. Shu'aib Al-Arna'ut & Muhammad Zuhair Al-Shawish (Ed.). Jld. 1-15. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, 'Abdullah. 2000. *Sunan al-Darimi*. Hussain Salim Asad Al-Darani (Ed.). Jld. 1-4. Al-Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Fakihi, Abu 'Abdullah Muhammad. 1994. *Akhbar Makkah fi Qadim al-Dahr wa Hadithuhu*. 'Abd al-Malik 'Abdullah Dahish (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar Khidr.
- Al-Kahlani, Muhammad. 2002. *Al-Tabbir li Idah Ma'ani al-Taysir. (Tahqiq: Muhammad Dabhi bin Hassan Hallaq Abu Mus'ab)*. Jld. 1-7. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah Riyad: Maktabah Ibn Rushd.
- Al-Marwazi, Muhammad. 1988. *Mukhtasar Qiyam al-Layl wa Qiyam Ramadan wa Kitab al-Witr*. Muhammad Ahmad 'Ashura & Jamal 'Abd al-Man'am al-Kumi (Ed.). Faysal Abad, Pakistan: Dar al- I'tisam.
- Al-Mulla Ali al-Qari, 'Ali. 2002. *Mirqat al-Mafatih Sharh Miskat al-Masabih*. Jld. 1-9. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. 1998. *Riyad al-Salihin*. (Tahqiq: Al-Arna'ut, Shu'aib). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Samarqandi, Abu al-Laith. 1993. *Bustan al-'Arifin*. T.T.: Mu'assasab al-Kutub al-Thaqafiyah.

- Al-Suyuti, Abdul Rahman. 1986. *Sharh al-Suyuti li Sunan al-Nasa'i*. Abu Ishaq al-Huwayni al-Athari (Ed.). Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. 2009. *Sunan Ibn Majah*. Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah (Ed.). Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- ‘Irbad bin Sariyah, 39
 30 hari, 28
 40 hari, 26, 28
 Abdullah bin ‘Amru, 27, 28
 Abdullah bin Amru, 31
Abu Hanifah, 29
 Abu Qilabah, 35
 Abu Umamah al-Bahili, 30
 ahli keluarga, 5, 1, 3, 21, 35, 36
Al-Bayhaqi, 2, 36
Al-Bukhari, 28
Al-Darimi, 31, 32, 33, 34, 35,
 38
al-Fakih, 36
 Al-Hakam, 38
 al-hall dan al-murtahil, 37
 Allah, 5, 6, 1, 3, 4, 5, 6, 7, 8,
 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15,
 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22,
 23, 24, 25, 26, 35
 Allah SWT, 5, 6
Al-Marwazi, 34
 al-Quran, 1, 2, 5, 6, 1, 2, 3, 7,
 20, 21, 22, 23, 25, 26, 27,
 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34,
 35, 36, 37, 38, 39, 44
Al-Tabrani, 39
Al-Tirmidhi, 31, 37
Anas, 33, 34
 Anas bin Malik, 33
 athar, 31, 33, 34, 36, 38
 awal-malam, 1, 2, 32, 33
 awal-pagi, 1, 32, 33
 doa, 5, 1, 3, 21, 25, 32, 33,
 34, 35, 38, 39
 Doa Khatam, 2, 21
 dua kali, 26, 29, 30
 hadis, 5, 2, 28, 29, 30, 32, 35,
 37, 38
 hak al-Quran, 29
 Ibn al-Mubarak, 33
Ibn Majah, 31
 Ibnu ‘Abbas, 34
 Ibrahim, 28, 32
 Ikramah bin Sulayman, 36
 Islam, 2, 6, 4, 23, 24, 25, 26,
 30, 33, 38, 39, 44
 Jibrail, 29
 khatam, 5, 6, 1, 2, 3, 21, 25,
 26, 31, 32, 33, 34, 35, 36,
 37, 38, 39
 majlis, 1, 2, 21, 34, 35, 36, 38
 Mekah, 37, 38
Muslim, 26, 28, 30, 44
 Nabi SAW, 29, 31, 37
 puasa, 26, 28

- qari, 37, 38
 Qatadah, 35, 37
 Sa'id bin Jubair, 31
 sahabat, 5, 1, 2, 3, 25, 31, 32,
 33
 satu minggu, 28
 sehari, 28, 31
 setahun, 26, 29, 30
 surah
 al-Baqarah, 1, 3, 20, 21,
 36, 38
 al-Duha, 1, 36
 al-Fatihah, 1, 3, 19, 20, 37,
 38
 Surah *al-'Adiyah*, 10
 Surah *al-'Alaq*, 5, 7
 Surah *al-'Asr*, 12, 13
 Surah *al-Bayyinah*, 7, 9
 Surah *al-Duha*, 3, 4, 36
 Surah *al-Falaq*, 18
 Surah *al-Fil*, 14
 Surah *al-Humazah*, 13
 Surah *al-Ikhlâs*, 18
 Surah *al-Kafirun*, 16
 Surah *al-Kawthar*, 16
 Surah *al-Ma'un*, 15
 Surah *al-Masad*, 17
 Surah *al-Nas*, 19
 Surah *al-Nasr*, 17
 Surah *al-Qadar*, 7
 Surah *al-Qari'ah*, 11
 Surah *al-Sharh*, 4
 Surah *al-Takathur*, 12
 Surah *al-Tin*, 5
 Surah *al-Zalzalah*, 9
 Surah *Quraysh*, 14, 15
 tabiin, 5, 2, 31, 32, 38
 Tamin Dari, 31
 tatacara, 1, 2, 5, 1, 2, 31, 32,
 39
 Tempoh Terpanjang, 29
 Thabit al-Bunaniyy, 33
 tiga hari, 27, 30, 31
 tujuh hari, 26, 28, 30
 Uthman, 31

BIODATA

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial-dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal-serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Buku Amalan Harian

SIRI 5


TATACARA DAN DOA MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Tatacara dan Doa Majlis Khatam al-Quran. Siri 5. Siri Buku Amalan Harian merupakan siri ke-5 buku yang dikeluarkan oleh Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk tujuan dijadikan amalan harian yang sangat berguna bagi umat Islam. Kajian dilakukan untuk memahami hakikat tatacara dan amalan khatam al-Quran untuk dikeluarkan buat pengetahuan umat. Terdapat beberapa perkara yang dibincangkan dalam buku ini, iaitu tatacara khatam al-Quran, amalan dan bacaan khatam al-Quran itu sendiri, dan cadangan doa yang dicadangkan untuk digunakan ketika khatam al-Quran tersebut. Doa khatam al-Quran merupakan intipati yang penting buku ini disebabkan keutamaan doa yang mustajab untuk seseorang memohon hajat kepada Allah SWT selepas menghabiskan bacaan al-Quran mereka. Justeru, doa yang dicadangkan difokuskan kepada memohon syafaat al-Quran terhadap hajat seseorang terhadap keperluan duniawi dan ukhrawi.

Buku ini diharap dapat dimanfaatkan oleh umat Islam sebagai panduan khatam al-Quran dengan amalan yang dituntut untuk dijadikan satu budaya dalam masyarakat Malaysia agar generasi Muslim di Malaysia benar-benar menghayati budaya membaca al-Quran dan mengkhatamkan al-Quran sama ada secara hafalan atau dengan secara melihat mushaf. Budaya yang baik ini seterusnya mampu menyucikan hati umat Islam dalam usaha mereka untuk menjadi insan yang benar qarib dan takwa di sisi Allah SWT.



eISBN 978-967-2401-19-3



9 789672 401193